

Rujukan : ANM(T)513/64

Pt.IIA/(30)

15hb. Julai, 1982

Semua Ketua Setiausaha Kementerian,

Semua Setiausaha Kerajaan Negeri,

Semua Ketua Pengarah Jabatan Persekutuan dan Negeri,

Semua Akauntan Perbendaharaan,

Semua Akauntan Negeri.

Tuan,

## **SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA BILANGAN 5 TAHUN 1982**

### **SKIM POTONGAN GAJI KAKITANGAN KERAJAAN UNTUK MELABUR**

#### **DALAM SKIM AMANAH SAHAM NASIONAL**

Merujuk kepada Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil.3/81 dan Bil.1/82 mengenai perkara di atas ini adalah didapati bahawa sambutan dari kakitangan kerajaan untuk melabur dalam Skim Amanah Saham Nasional (ASN) tidaklah begitu menggalakkan, bahkan amat mengecewakan. Sehingga ini, walaupun Skim Potongan Gaji untuk ASN ini telah berjalan selama sembilan bulan di Semenanjung dan empat bulan di Sabah dan Sarawak rekod menunjukkan hanya seramai 17,500 orang kakitangan bumiputra sahaja dari kedua-dua perkhidmatan persekutuan dan negeri yang telah melabur melalui skim ini. Ini adalah merupakan 6.1% sahaja dari jumlah yang layak melabur.

2. Banyak sebab telah diberi mengapa lembabnya sambutan dari kakitangan kerajaan akan skim ini, dan satu daripada sebab-sebabnya ialah ketua-ketua jabatan tidak mengambil langkah yang sepatutnya untuk memaklumkan ujudnya skim ini kepada kakitangan yang layak melabur dalam jabatan masing-masing.

3. Bagi mengatasi masaalah ini, semua ketua kementerian dan jabatan persekutuan dan negeri adalah diminta supaya segera mengambil sesuatu langkah yang positif bagi menentukan bahawa makluman tentang ujudnya Skim Potongan Gaji Kakitangan kerajaan untuk melabur dalam ASN ini disebarkan seluas-luasnya kepada semua kakitangan yang layak dibawah kementerian dan jabatan masing-masing. Berkaitan dengan ini perlu juga dijelaskan kepada pelabur-pelabur yang baru mendaftarkan diri bahawa mereka hendaklah memberi tempoh sekurang-kurangnya tiga bulan bagi potongan dari gaji mereka dimulakan kerana tempoh ini adalah diperlukan oleh semua pihak yang melaksanakan skim ini untuk mendaftar, memproses, menyemak dokumen, mengujudkan rekod dan akaun pelabur-pelabur baru itu. Oleh demikian mereka hendaklah dinasihatkan supaya dalam tempoh tiga bulan tersebut, membuat bayaran sendiri terus kepada ASN atau wakilnya.

4. Selain dari itu aduan-aduan juga diterima yang mengatakan bahawa ada ketua-ketua jabatan, setelah membuat potongan bagi kakitangan yang telahpun sedia memasuki Skim Potongan Gaji ini tidak menghantarkan wang potongan mereka kepada ASN, melalui saluran yang telah ditentukan, sebelum tarikh yang telah ditetapkan dalam Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 3/81 dan Bil.1/82 itu. Ini telah melibatkan kerugian dividen kepada pelabur-pelabur itu. Oleh itu ketua-ketua kementerian dan jabatan persekutuan dan negeri adalah diingatkan supaya menyampaikan cek potongan gaji kakitangan mereka segera kepada Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA) bagi membolehkan BPA menyediakan penyata potongan yang lengkap untuk disampaikan kepada Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) sebelum 10hb bulan yang berikutan supaya pelabur-pelabur tidak kehilangan peluang untuk mendapatkan dividen.

5. Ingin saya mencadangkan kepada ketua-ketua kementerian dan jabatan supaya mengambil tindakan disiplin yang sewajarnya ke atas mereka yang sengaja melewati-lewatkan penyampaian potongan gaji itu kepada ASNB.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DATO' SHAMSIR BIN OMAR)

Akauntan Negara Malaysia.